



Tarikh: 06/07/2001 bersamaan 14 Rabiulakhir 1422

• Keluaran Jumaat •

Bil: 03

*M*enjamin kesejahteraan mahasiswa adalah kerja saya. Saya jemput mahasiswa berdialog dengan saya – bila perlu. Tetapi syaratnya ada: Mahasiswa hendaklah bersopan apabila berbicara dan menggunakan pertimbangan yang waras apabila membuat tuntutan.

Pejabat saya letaknya di tingkat 3, Blok D, Bangunan Perdanausaha. Kalau ada mahasiswa istimewa (cacat) yang tidak berdaya menaiki tangga, saya boleh berjumpa mereka di tingkat bawah, sekiranya mereka mahu bertemu saya.

ENGKAU YANG PERKASA

Engkau yang perkasa
bertulang besi
otot tembaga
urat dawai
empunya dekah lantang,
mari lihat di rumah sakitku
besi berkaranan
tembaga berpuddaran
dawai berkusutan
dan tangisan berlarutan.

Hashim Yaacob
2.21966**Dari Meja
TNC (HEP)**

Y.B.Drs. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

PERJANJIAN HUDAIBIYYAH

*P*eristiwa Perjanjian Hudaibiyyah telah berlaku pada tahun keenam hijrah. Suasana ketika perjanjian itu ketika hendak ditulis sangat tegang. Rasulullah s.a.w. memerintahkan supaya perjanjian itu dimulakan dengan "Bismillahirrahmanir Rahim" tetapi Suhail (wakil Musyrikin Mekah) menentang dengan mengatakan bahawa mereka tidak mengerti apakah "Rahman" dan "Rahim". Suhail mahu perjanjian dimulakan dengan cara yang biasa dilakukan iaitu "Bismika Allahumma". Rasulullah bersetuju.

Kemudian baginda menyebut bahawa perjanjian itu dibuat antara Muhammad Rasulullah dengan Suhail bin Amir. Ini ditentang oleh Suhail sekali lagi dengan mengatakan bahawa jika mereka sudah mengiktiraf beliau sebagai Rasulullah, sudah tentulah mereka tidak akan nenentangnya lagi. Rasulullah bersetuju membuang angkai kata itu. Walaupun Saidina Ali telah menulis kata-kata itu dan enggan membuangnya, tetapi Rasulullah sendiri mengambil dokumen itu dan membuang perkataan-perkataan tersebut, menggantikannya dengan Muhammad bin Abdullah. Sahabat-sahabat Rasulullah benar-benar

marah dengan sikap permusuhan yang ditunjukkan oleh Suhail, tetapi oleh sebab menghormati Rasulullah s.a.w. mereka hanya berdiam diri.

Perjanjian yang ditandatangani telah bersetuju untuk menerima lima syarat penting iaitu:

1. Kedua-dua pihak tidak akan berperang selama 10 tahun dan hidup dalam keadaan damai;
2. Pada tahun ini (keenam hijrah), orang-orang Islam hendaklah kembali ke Madinah dan datang semula pada tahun hadapan untuk melakukan Umrah di Ka'abah dan bermukim di sana selama tiga hari sahaja;
3. Puak-puak Arab (pihak ketiga) dibebaskan untuk bergabung dengan mana-mana pihak dan tidak ada halangan untuk mereka berbuat demikian;
4. Kafilah-kafilah dagang Quraisy yang pergi berdagang melalui Madinah tidak akan dianiaya;
5. Sekiranya ada orang dari pihak Quraisy lari ke Madinah kerana hendak bergabung diri dengan Nabi Muhammad s.a.w., dia hendaklah disuruh kembali (ke Mekah). Sebaliknya apabila ada pengikut Nabi Muhammad yang lari dari Madinah ke Mekah untuk bergabung dengan Quraisy, dia tidak perlu di suruh kembali (ke Madinah).

bersambung di muka surat 2

Sekiranya diteliti syarat-syarat kedua, keempat dan kelima, ia seperti satu penghinaan kepada orang-orang Islam. Perjanjian itu menunjukkan seolah-olah orang Islam begitu lemah dan terpaksa akur dengan kehendak Musyrikin khususnya syarat kelima.

Perjanjian itu kelihatan semuanya menguntungkan Quraisy dan ini sungguh mengecewakan umat Islam. Selepas baginda menandatangani perjanjian itu, baginda memanggil mereka supaya bercukur kepala dan mengorbankan unta, tetapi tidak ada seorangpun yang bangun menyahut panggilan baginda. Setelah panggilan kali ketiga masih tidak ada siapa yang menyahut, Rasulullah merasa dukacita dan bangun mengadukan hal itu kepada Umu Salamah. Umu Salamah menjawab mereka tidak berpuas hati dengan syarat-syarat perjanjian. Oleh itu, baginda sendiri hendaklah memulakan korban dan yang lain-lain akan mengikutinya. Lalu Rasulullah berbuat seperti apa yang dikatakan oleh Umu Salamah lalu yang lain-lain mengikutinya dengan perasaan marah, sakit hati dan kebingungan. Perasaan umat Islam pada ketika itu juga dapat digambarkan oleh soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Saidina Umar r.a. kepada Rasulullah. Umar r.a. sendiri kebingungan dan berdialog dengan Rasulullah dalam keadaan penuh emosi.

Umar: "Wahai Rasulullah! Adakah kamu bukan seorang Rasul?"

Rasulullah: "Ya, aku seorang Rasul."

Umar: "Adakah kita ini orang-orang Islam?"

Rasulullah: "Ya, mengapa tidak?"

Umar: "Adakah mereka orang-orang kafir?"

Rasulullah: "Ya, sudah tentu."

Umar: "Justeru itu mengapa kita mengikat perjanjian dengan mereka dalam keadaan kita dihina begini?"

Rasulullah: "Aku adalah seorang hamba Allah dan Rasul-Nya, aku tidak akan mengingkari perintah-Nya. Jika aku ingkar, nescaya Dia akan menahan pertolongan-Nya."

Saidina Umar r.a. berasa tidak puas hati dengan dialog itu, tetapi dia patuh dengan menurunkan tandatangannya sebagai saksi atas dokumen itu. Ini menunjukkan kehendak Rasulullah mengatasi perasaannya sendiri. Sewaktu orang Islam secara umumnya tidak dapat memahami akan implikasi daripada perjanjian yang nampak menghina ini, Rasulullah telah nampak manfaat-manfaat serta kebaikan-kebaikan daripada strategi itu.

Antara manfaat yang terselindung di sebalik perjanjian itu ialah:

1. Terbukanya jalan ke arah hubungan yang baik di antara orang Mekah dan Madinah. Untuk itu, mereka yang telah lama berpisah dengan keluarga dapat bertemu kembali. Salah faham orang Mekah terhadap Rasulullah s.a.w. dapat diperjelaskan dan kemajuan yang telah dicapai oleh orang-orang Islam dalam pelbagai bidang dapat diterangkan. Secara langsung, Islam menjadi pokok perbincangan masyarakat Mekah dan ramai yang akan memeluk agama Islam.
2. Ia adalah satu kemenangan moral yang melibatkan pengiktirafan Musyrikin Mekah terhadap keadautan negara Islam Madinah.
3. Orang Islam terlepas daripada kebimbangan perang dan dapat menumpukan pembangunan Islam di Madinah.
4. Orang Islam dapat menumpukan usaha untuk menghadapi musuh

di Khaibar.

5. Kabilah-kabilah Arab bebas bersekutu sama ada dengan pihak Mekah atau Madinah. Ini menyebabkan banyak kabilah baru telah bersekutu dengan pihak Madinah.
6. Orang Islam dapat memasuki Mekah dengan aman setelah berjaya mendamaikan musuh-musuh ketat.

Bagi menenangkan perasaan yang tegang di kalangan umat Islam hasil perjanjian tersebut, maka Allah telah menurunkan surah Al-Fath (kemenangan) yang membayangkan kemenangan umat Islam pada masa akan datang.

Rentetan peristiwa tersebut, banyak pengajaran telah diperolehi.

- a. berpandangan jauh
- b. tawaduk dan berani membuat keputusan
- c. kepatuhan dan keyakinan pengikut kepada pemimpin
- d. kebijaksanaan dalam keutamaan
- e. contoh teladan lebih berkesan daripada kata-kata
- f. manusia biasanya mempunyai perspektif yang singkat terhadap sesuatu

Untuk itu, kita perlu sama-sama menghayati sirah Rasulullah itu dalam rangka untuk diteladani sepanjang hidup kita. Biarpun sejarahnya telah berlalu ribuan tahun, namun kesesuaianya untuk masyarakat kini dan akan datang tidak akan luput. Mudah-mudahan dengan rasa prihatin kita terhadap diri kita sendiri dan dengan menjadikan sirah Rasulullah s.a.w. sebagai teladan utama akan memberi keberkatan dalam hidup kita sehari-hari.

Wallahu "Alam.

oleh: Mohd Fakhruza Ibrahim

MAHASISWA PERLU TAHU

PERKHIDMATAN BAS UNIVERSITI MALAYA

Bil.	Kawasan	Luar Kampus			Dalam Kampus	
		Pagi	T/hari	Petang	Pagi	Petang
1.	Kolej Kesembilan (Hentian Jalan Universiti)	7.00	12.10	4.10	10.00	2.00
2.	Kolej Seksyen 17	7.30		4.45	10.30	2.30
3.	Taman Bukit Angkasa/Vista Angkasa/Jalan Pantai Baru/ Hentian Amal	8.00		5.10	11.00	3.00
4.	Kolej YPM Bangsar & Hentian Amjal	8.30		5.45	11.30	3.30
		9.00		6.10	12.00	4.00
				7.10	12.30	
				8.10		
5.	Brickfields Asrama Koperasi Polis - Hentian depan supermarket Sri Kota & Jalan Bangsar	7.15	12.10	5.15	10.00	2.00
		8.15		6.15	10.30	2.30
				8.15	11.00	3.00
					11.30	3.30
					12.00	4.00
						12.30

Pembelian Kupon Bas HEP

Mahasiswa boleh membeli kupon bas HEP untuk menggunakan pengangkutan mana-mana destinasi di atas ke dalam kampus.

Tempat dan masa **pembelian kupon bas** adalah seperti berikut:

Tempat : Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Tingkat 2, Blok E, Kompleks Perdanasiswa

Masa : 9.30 pagi – 12.00 tengahari
2.30 petang – 4.00 petang

oleh: Shafie Sarif

BAHASA KITA BAHASA DUNIA

Kata Sendi nama "di"

Kata sendi nama "di" digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat dan ditulis terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya. Contohnya:

1. Ibu bekerja **di** sekolah.
2. Pengembara itu sesat **di** dalam hutan.
3. Beg tanganrya terletak **di** atas meja.



Wise Words

Death is not the greatest loss in life. The greatest loss is what dies inside us while we live

Dr. Norman Cousins

Sumbangan:
Puan Rohani Ramly

4. Tambak Johor terletak **di** antara negeri Johor dengan Singapura.
5. Gunung Kinabalu ialah gunung yang tertinggi **di** Malaysia.

Perlu diingat bahawa kata sendi nama "**di**" tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menerangkan waktu, masa atau zaman. Contohnya:

Salah	Betul
1. di zaman ini	1. pada zaman ini
2. di waktu itu	2. pada waktu itu
3. di suatu masa	3. pada suatu masa
4. di saat ini	4. pada saat ini
5. di abad ke-20	5. pada abad ke-20

Untuk itu, mahasiswa diingatkan agar berhati-hati apabila menulis surat rasmi, menyediakan kertas kerja dasar aktiviti atau apa sahaja bentuk penulisan supaya kesilapan seperti yang dinyatakan di atas tidak akan berlaku.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
oleh: Abdul Razak Halifa

Kenali Warga HEP

Beliau merupakan antara tenaga utama yang melibatkan kepentingan pelajar di kampus ini. Beliau mendapat ijazah perubatan dari Universiti Bangalore, India telah bertugas sebagai Ketua Klinik Kesihatan Pelajar, di Klinik Kesihatan Pelajar sejak tahun 1983. Beliau mudah didampingi oleh pelajar dan warga kampus keseluruhannya.



Dr. Caroline Retnasamy

Antara beberapa perkara yang ingin dititik-beratkan oleh beliau kali ini ialah mengharapkan pelajar:

1. Melakukan pemeriksaan darah untuk Hepatitis B yang dijalankan di Klinik Kesihatan Pelajar dengan bayaran RM10.00 sahaja
2. Melakukan pemeriksaan darah untuk G6PD sebelum sesuatu aktiviti yang melibatkan kawasan berhutan dilakukan. Ini bagi membolehkan pil pencegahan Malaria diambil mengikut kelayakan. Pemeriksaan boleh dilakukan sebaik sahaja sesuatu aktiviti yang berkaitan diluluskan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan pemeriksaan diberi secara percuma.
3. Sedar tentang pentingnya mendapat surat jaminan dari pihak Klinik Kesihatan Pelajar apabila dimasukkan ke Hospital Kerajaan atau Hospital Universiti bagi mengelakkan kesulitan bayaran.

Pemimpin Persatuan Pelajar

Sekretariat Rakan Muda Universiti Malaya

Sekretariat Rakan Muda Universiti Malaya terletak di Aras 3, Blok G, Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya

Sekretariat ini diletakkan secara terus di bawah pengawasan seorang pegawai Hal Ehwal Pelajar (HEP). Jawatankuasa penggerak sekretariat ini dilantik oleh HEP dari kalangan mahasiswa yang cenderung dengan aktiviti rakan muda. Aktiviti-aktiviti rakan muda perlu bersesuaian dengan sembilan gaya hidup yang telah ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Keahlian sekretariat dibuka kepada seluruh warga kampus yang berminat dengan mengisi borang keahlian yang disediakan di Sekretariat Rakan Muda Universiti Malaya atau di kaunter HEP.



Indra Shahril
Sayuati

Pengerusi Sekretariat: Sdr. Indra Shahril Sayuati dilahirkan pada 10 Julai 1978. Beliau berasal dari Kuala Kurau, Perak dan kini menetap Ranau Sabah. Beliau sedang mengikuti pengajian di Fakulti Syariah Politik, Tahun Ketiga merupakan seorang yang aktif dalam kegiatan sukan dan pernah mewakili Universiti Malaya pada kejohanan SUKMAS. Sebagai penghuni Kolej Kediaman Kedua beliau turut menyumbang sebagai wakil kolej dalam kejohanan SUKMUM.

Dairi HEP

6 – 8 Julai 2001

- Mesyuarat Sekretariat TTNC/ Timbalan Rektor (HEP) dan Seminar Hal Ehwal Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor Bahru, Johor.

Makluman

Penulisan:

- Pihak HEP mengalu-alukan sebarang penulisan yang membina dari kalangan kakitangan Universiti Malaya dan Mahasiswa untuk dimuatkan di dalam Bicara HEP.

Iklan:

- Persatuan-persatuan pelajar dan kolej kediaman yang berminat untuk mengiklankan kegiatan persatuan atau kolej kediaman boleh menghantar maklumat secara bertulis/disket ke alamat:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Blok E, Kompleks Perdanasiswa
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:
Encik Mohd Fakhruлazi atau
Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563 Faks: 79568611

• • Redaksi • •

Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Penggerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly
Encik Mohd Fakhruлazi Ibrahim
Encik Abdul Razak Halifa
Encik Azim Aziz
Encik Mohd Na'aim Muhd Noh